

10 MAY 2002

Mahathir-Palestin/I

DR MAHATHIR ULANGI DASAR M'SIA MAHUKAN PERDAMAIAN ISRAEL-PALESTIN

KUALA LUMPUR, 10 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengulangi dasar Malaysia yang secara konsisten menggesa bagi penyelesaian damai terhadap konflik Israel-Palestin berasaskan resolusi pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang berkaitan.

Dalam hubungan ini, Malaysia telah menyokong penyelesaian dua negara bahawa Palestin dan Israel mempunyai hak untuk wujud, katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan Pejabat Perdana Menteri di Putrajaya hari ini.

Katanya beliau mahu mengulangi dasar Malaysia yang dipegang selama ini mengenai isu Israel-Palestin untuk menjelaskan kekeliruan yang timbul daripada ucapan beliau pada perbahasan mengenai Palestin dua hari lepas.

Dr Mahathir telah menyampaikan ucapan pada Syarahan Perdana mengenai "Palestin dan Kemanusiaan" anjuran bersama Dewan Bahasa dan Pustaka dan Angkatan Belia Islam Malaysia di sini pada Rabu.

"Kita telah menegaskan bahawa perundingan merupakan satu-satunya jalan bagi satu penyelesaian damai konflik ini dan bahawa tindakan ketenteraan bukannya pilihan bagi kedua-dua pihak," katanya.

Dalam kenyataan empat perenggan itu, Dr Mahathir berkata Kuala Lumpur menyokong semua usaha ke arah mencari satu penyelesaian damai terhadap konflik itu, termasuk usaha penting kini oleh pentadbiran Presiden Amerika Syarikat George W. Bush serta rancangan damai Arab Saudi.

Usaha damai Presiden Bush termasuk perbincangan dengan para pemimpin Arab dan Israel serta sekutu rapat di Eropah untuk cuba mengadakan semula proses damai yang gagal selepas hampir 19 bulan Palestin dan Israel bermandi darah yang mengorbankan kira-kira 1,600 rakyat Palestin dan 500 penduduk Israel.

Rancangan damai Saudi yang diusahakan Putera Mahkota Abdullah Abdul Aziz menggesa bagi pengunduran Israel daripada wilayah yang didudukinya dalam Perang Enam Hari pada 1967 dan sebagai balasannya Israel akan diiktiraf oleh semua negara Liga Arab.

Dalam kenyataannya itu, Perdana Menteri berkata Malaysia mengutuk semua bentuk keganasan walau apapun alasannya.

"Malaysia telah mengutuk semua bentuk keganasan oleh kumpulan militan atau negara terhadap rakyat biasa sebagai keganasan walau apapun justifikasinya," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

RV AHH RON